

SAMBAR SAMPAH
Ferruginous Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: *Muscicapa ferruginea*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini hampir menyerupai spesies Sambar Sibiria, *M.sibirica*, tetapi bahagian kepala berwarna kelabu. Bahagian atas ekor dan tongkeng berwarna kemerahan. Sebahagian daripada bahagian sayap berwarna coklat kemerahan manakala bahagian dada berwarna kuning pucat kemerahan. Bahagian bulu badan pula berwarna coklat kemerahan di mana di sekeliling bahagian mata dan atas dada berwarna kuning pucat. Bagi individu juvenil pula, bahagian mahkota atas kepala berwarna hitam di mana terdapat jalur-jalur berwarna kuning pucat yang gelap. Bahagian belakang sehingga bahagian tongkeng berwarna hitam dan terdapat bintik-bintik yang berwarna kuning pucat. Pada bahagian sisi atas dada dan bahagian dada, terdapat jalur-jalur yang berwarna hitam. Burung ini mempunyai saiz di antara 12.5-13.0 sm.

MAKANAN

Ia memakan serangga.

HABITAT

Spesies ini boleh ditemui di kawasan hutan dipterokap dan kawasan pinggir-pinggir hutan pada ketinggian sehingga ke 2,135 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan nada bunyi yang tinggi *tssit-tittu-tittu* dan bunyi *tsit tittu-tittu* termasuklah bunyi *tssit-tssit* dan *tssit tssit tssit...* yang pendek dengan nota yang tinggi.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Jun hingga Julai setiap tahun di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan pada dahan-dahan pokok ataupun pada permukaan bumi dengan ketinggian di antara 2-15 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-3 biji berukuran di antara 17.9 X 13.6 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.